

22 FEB 2000

Pemuda-Calon

CALON PEMUDA DIINGAT JANGAN BANGKIT SOAL PERIBADI

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mengingatkan anggota pergerakan itu yang menawarkan diri untuk bertanding pada pemilihan parti Mei ini supaya tidak memburukkan calon lain atau membangkitkan isu bersifat peribadi.

Sebaliknya, mereka perlu mengetengahkan apa yang boleh disumbangkan demi kepentingan dan perjuangan pergerakan serta parti.

"Tak ada erti satu pertandingan sekiranya imej seseorang calon terjejas akibat perbuatan anggota keluarga kita sendiri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda di sini.

Mesyuarat itu juga dimaklumkan tentang hasrat anggota pergerakan untuk bertanding jawatan Exco Pemuda.

Antara penyandang jawatan Exco pergerakan itu yang berbuat demikian ialah Nur Jazlan Mohamed, Zaiyadi Awang Noh, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh dan Hamlan Din.

Ketua-ketua Pemuda Umno negeri yang menawarkan diri untuk merebut jawatan yang sama ialah Nazari Adzim (Melaka), Zahidi Zainul Abidin (Perlis), Jaya Kusuma Rusman (Selangor), Shahrul Akram Osman (Negeri Sembilan), Mohamad Ismail Osman (Pulau Pinang), Johari Janan (Sabah).

Setiausaha Kerja Pemuda merangkap Naib Ketua Pemuda Selangor Raden Mokhtar Md Yusuff turut menawarkan diri untuk merebut jawatan Exco Pemuda.

Mesyuarat hari ini juga mengambil keputusan menyokong penawaran diri Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan Abdul Azim Mohd Zabidi sebagai calon untuk bertanding jawatan anggota Majlis Tertinggi.

Hishammuddin berkata pergerakan itu telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas diketuai Penolong Bendahari Mokhzani Mahathir untuk memantau dan menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi di peringkat cawangan dan bahagian.

Exco Pemuda juga membincangkan hala tuju pergerakan itu pada masa depan serta persiapan bagi menghadapi perhimpunan Pemuda 10 Mei ini, katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI